

# Mengimbau Sedekad Kecemerlangan UMS



Tan Sri Prof. Dr. Abu Hassan Othman

Barangkali bagi sesetengah daripada kita, tempoh 10 tahun adalah satu tempoh yang sangat lama. Tidak bagi saya. Tentulah kita tidak mampu menjangka takdir daripada Yang Maha Kuasa. Demikianlah saya, sudah ditakdirkan bahawa umur, tugas dan tanggungjawab saya untuk tempoh 10 tahun yang lalu perlu dihabiskan di Sabah, Negeri di Bawah Bayu - sebuah negeri yang amat indah. Penubuhan UMS telah bermula dengan pengwujudan satu jawatan yang disebut sebagai Naib Canselor. Saya telah diberikan amanah untuk memegang jawatan ini buat pertama kali di UMS. Sungguhpun nama jawatan ini sama sahaja dengan jawatan seumpama ini di universiti lain, tidak ramai yang berpeluang untuk memegangnya buat kali pertama dalam sejarah penubuhan sesebuah universiti. Saya kira saya bertuah dengan penghormatan yang diberikan itu.

Sudah tentu banyak perkara yang boleh diimbau sejak penubuhan institusi ini pada tahun 1994 semenjak pejabat pertama UMS masih berada di Kuala Lumpur sehinggalah sekarang ketika kampus ini sudah berdiri megah mengadap laut biru di Teluk Sepanggar. Detik kali pertama menjejakkan kaki di sini sebagai Naib Canselor UMS adalah detik yang penuh kenangan. Bukan kerana saya tidak pernah berkunjung ke Sabah tetapi kunjungan itu adalah untuk memulakan satu gerak kerja yang amat besar demi merealisasikan impian rakyat dan kerajaan Malaysia, iaitu membina Universiti Malaysia Sabah. Yang ada pada universiti ini pada detik itu hanya sebuah nama.

Pada peringkat awal UMS telah menjalankan operasinya di tingkat sembilan bangunan Gaya Centre di Kota Kinabalu. Kira-kira tujuh tahun kemudian Kota Kinabalu diisytiharkan sebagai sebuah bandaraya. Bukan mudah menyediakan prasarana sementara sebuah universiti. Dalam masa beberapa bulan UMS harus bersedia menerima kedatangan kumpulan pelajar program Ijazah Pertama yang mendaftar pada bulan Jun 1995. Sebaik sahaja mencecah bulan Jun 1995, UMS sudahpun bersedia dengan kumpulan pensyarah perintis yang bakal memulakan program-program pengajian di sini. Saya bersyukur kepada Allah dan amat berterima kasih kepada Kerajaan Negeri Sabah serta seluruh agensinya yang telah banyak membantu UMS khususnya pada peringkat awal penubuhan dan pengurusannya. Kumpulan pelajar pertama telah